



TARIKH	15 APRIL 2026 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA MASIH KEKURANGAN BAKAT, PAKAR STEM – MOSTI		
M/S	8 (NEGARA)	KATA KUNCI	STEM, SCIENCE AND
BIDANG	MOSTI	TEKNOLOGI, MATHEMATIC	

Malaysia masih kekurangan bakat, pakar STEM – MOSTI

SEMENYIH – Malaysia masih berdepan kekurangan pakar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya ketika negara giat menarik pelaburan berteknologi tinggi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Chang Lih Kang berkata, kekurangan tenaga mahir dalam bidang tersebut semakin ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

“Memang kita menghadapi masalah ini, kita tidak cukup, terutamanya apabila kita sekarang dapat menarik banyak pelaburan berteknologi tinggi. Kita perlukan lebih ramai bakat,” katanya pada Majlis Peluncuran Program Minggu Sains Negara 2026 di Universiti Nottingham Malaysia, di sini semalam.

Ujarnya, setakat ini jumlah tenaga kerja berkemahiran STEM masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan industri semasa.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berharap program seperti Minggu Sains Negara (MSN) dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk menceburi bidang berkenaan.

Beliau berharap sekurang-



LIH KANG (tiga dari kanan) pada Majlis Peluncuran Program MSN 2026 di Universiti Nottingham Malaysia, Semenyih semalam.

kurangnya 60 peratus pelajar di negara ini memilih aliran STEM pada masa hadapan.

“Kita harap lebih ramai yang memilih aliran STEM, sebab negara kita memang memerlukan bakat STEM,” ujarnya.

Sementara itu, katanya, Malaysia perlu memperkukuh aspek kedaulatan teknologi bagi menghadapi ketidakpastian geopolitik global yang semakin mencabar.

Jelasnya, dalam situasi dunia yang tidak menentu, keber-

luan boleh menyebabkan negara terdedah kepada sekatan atau kekangan bekalan ketika krisis.

“Bukan sekadar menjadi pengguna teknologi, kita perlu melahirkan pencipta teknologi supaya negara tidak tersekat apabila berdepan krisis,” katanya.

Jelasnya, dunia kini berhadapan pelbagai krisis termasuk tenaga dan sebelum ini pandemik yang membuktikan kepentingan keupayaan teknologi tempatan bagi menjamin keselamatan serta kecukupan bekalan negara.